

UMS, Kelab Perniagaan Antarabangsa anjur program kebudayaan

UB 17.4.2019 B2

KOTA KINABALU: Satu program kebudayaan berbentuk pameran dan persembahan pelajar tempatan dan antarabangsa anjuran Persatuan Mahasiswa Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (PMPEP) dan Kelab Perniagaan Antarabangsa (The International Cultural Fair 3.0 2019 dan Malaysian Cultural Day) dianjurkan baru-baru ini di Dewan Resital, Dewan Kuliah Pusat 1 dan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah.

Program ini adalah program tahunan di mana penganjurannya adalah sebagai satu usaha memperkenalkan kebudayaan



PESERTA persembahan Malaysian Cultural Fair dan The International Cultural Fair 3.0 2019 bergambar ketika program.

tempatan dan antarabangsa kepada mahasiswa/i UMS.

Menurut Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan

Perakaunan, UMS, Prof Madya Dr Raman Noordin program seumpama ini bukan sahaja memberi nilai

tambah yang baik kepada semua pelajar yang terlibat di dalamnya samaada secara langsung atau tidak langsung tetapi dalam pada masa yang sama warga UMS khususnya mahasiswa/i akan dapat mempelajari dan memahami warisan budaya tempatan dan antarabangsa melalui pameran dan juga persembahan kebudayaan.

Turut hadir Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Pascasiswazah Dr Arif @ Kamisan Pusiran, Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi, Dr Rini Suryati Sulong, barisan ketua program, pensyarah dan kakitangan pentadbiran serta mahasiswa/i FPEP dan UMS.